



29 APR, 2023

Bazar Ramadan Fama Ranau perolehi jualan RM100k

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Bazar Ramadan Fama Ranau perolehi jualan RM100k

Clarence Dol

RANAU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Daerah merekodkan jualan berjumlah RM100,072 daripada 19 orang yang menyertai Bazar Ramadan di pekan Ranau yang berlangsung dari 13 hingga 19 April lalu.

Pegawai Fama Ranau, Hasin Abas berkata, jumlah pendapatan itu adalah hasil terkumpul mereka yang mempamer dan menjual ratusan jenis dan jenama produk Biskut Raya buatan sendiri.

Hasin menjangkakan hasil jualan peserta yang berdaftar dengan Fama akan terus meningkat dengan penyertaan lebih ramai ahli pada masa hadapan.

"Melalui program ini, peserta yang berdaftar dengan Fama akan dapat menjana lebih banyak pendapatan bagi membiayai keluarga, terutama bagi menampung kos persekolahan anak-anak," kata Hasin.

Beliau memuji kecekalan usahawan Fama yang menyertai Bazar Ramadan kerana mampu menjana jualan positif

walaupun negara masih berdepan inflasi akibat penularan pandemik Covid-19.

Sempena Bazar Ramadan Fama, pertandingan Keceriaan Gerai telah dimenangi oleh peserta Kg Randagong Lama, Justine Binti Miun yang menerima hadiah berupa hamper bernilai puluhan ringgit sumbangan Fama Ranau.

Terdahulu, pengunjung di sini memuji inisiatif Fama daerah menyediakan kemudahan tapak Bazar Ramadan, bagi memberi ruang dan peluang kepada petani (ahli Fama) menambah pendapatan hasil jualan biskut buatan sendiri bagi menyara keluarga.

"Ia amat sesuai dengan slogan 'Pertanian adalah Perniagaan' dan peranan Fama dalam membantu petani yang turut mempamer dan menjual hasil pertanian, dan tidak hanya tertumpu kepada produk kuih-muih atau biskut raya sahaja," kata salah seorang pengunjung Bazar, Dominik Kasaman dari Kg Paka Dua, Ranau.



JUSTINE (kiri) menerima hamper yang disampaikan oleh Hasin.



29 APR, 2023

Bazar Ramadan Fama Ranau perolehi jualan RM100k

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Clarence Dol RANAU: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Daerah merekodkan j u a l a n berjumlah RM100,072 claripada 19 orang yang menyertai Bazar Ramadan cli pekan Ranau yang berlangsung dari 13 hingga 19 April lalu. Pegawai Fama Ranau, Hasin Abas berkata, jumlah pendapatan itu adalah hasil terkumpul mereka yang mempamer dan menjual ratusanjenis dan jenama produk Biskut Raya buatan sendiri.